

18 DEC 2003

UPM-Vaksin/I

UPM GUNA TEKNOLOGI CUBA UNTUK HASILKAN VAKSIN MANUSIA

SERDANG, 18 Dis (Bernama) -- Universiti Putra Malaysia (UPM), yang terkenal dengan kepakaran pertanian, maju setapak lagi -- menghasilkan vaksin manusia.

Ketua program itu, Dr Mohd Azmi Mohd Lila berkata projek vaksin itu dijalankan secara usahasama antara Institut Bio-Sains universiti itu dan Pusat Kejuruteraan Genetik Cuba.

"Vaksin itu boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit berjangkit biasa sekarang. Kita menggunakan teknologi Cuba untuk membolehkan menghasilkan vaksin ini dengan lebih cepat yang biasanya mengambil masa sekurang-kurangnya tujuh tahun," kata Dr Mohd Azmi yang juga Ketua Jabatan Vaksin dan Makmal Immunoterapeutik UPM kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Dengan peruntukan lebih RM50 juta yang dibiayai UPM, sebuah syarikat farmaseutikal tempatan dan kerajaan, beliau berkata saintis tempatan akan cuba memperbaiki vaksin sedia ada dan menjadikannya lebih murah di pasaran.

Beliau berkata universiti itu mengambil masa setahun untuk membina infrastruktur yang diperlukan bagi membangunkan vaksin itu dan projek itu dijadual siap dalam tempoh kira-kira lima tahun.

"Jika projek itu berjaya, UPM akan menjadi peneraju dalam bidang bioteknologi di Malaysia dan menjadi universiti bertaraf dunia menjelang 2010," katanya yang enggan mendedahkan jenis vaksin yang sedang dihasilkan oleh para saintis itu.

Katanya pasukan Malaysia akan berlepas ke Cuba pada 21 Dis untuk menandatangani kontrak tambahan yang akan termasuk perpindahan teknologi, latihan dan pertukaran pakar antara kedua-dua negara.

Projek itu adalah susulan kepada lawatan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ke Cuba, katanya.

-- BERNAMA

VP NM RHM